

Sehati sejiwa

» Pasangan hidup anda

Adam dan Aida sudah keluar bersama-sama bagi tempoh yang agak lama. Adam lulus semua peperiksaan profesional yang diambilnya dan kini seorang akauntan berkanun sementara Aida pula memikul jawatan ketua bahagian di sebuah bank.

Kedua-dua mereka mempunyai kerjaya yang agak kukuh dan kini membuat perancangan melangkah ke peringkat hidup yang berikutnya - sebagai pasangan suami isteri.

Bacalah seterusnya untuk melihat bagaimana mereka berdua merancang kewangan mereka secara berhemat bersama-sama dan bukan secara individu.

Adam lalu di hadapan sebuah kedai barang kemas dan berhenti menatap cincin berlian yang sudah lama menarik perhatiannya. Dia rasa sudah tiba masanya mereka mendirikan rumah tangga tetapi dia sedar perbelanjaan perkahwinan akan menelan belanja yang besar. Sebenarnya, dia sedang menunggu bonusnya tetapi pada hari itu ada tawaran jualan istimewa.

Oleh kerana sikapnya yang sedikit kiasu, dia tidak mahu melepaskan peluang ini dan berfikir inilah masa yang terbaik untuk membelinya. Kerana yakin dia akan mendapat bonusnya dalam sebulan, Adam rasa lebih baik menggunakan kad kreditnya dahulu dengan niat menjelaskan bayarannya dengan bonus yang bakal diterimanya.

Dengan tawaran hebat

berupa baucar makan malam untuk dua orang di sebuah hotel mewah, dia membuat keputusan untuk membelinya.

Lalu di hulunya 'cajkan'. Wangnya sudah dibelanjakan - sebanyak RM4,000 dan itu pun selepas potongan diskaun yang besar! Inilah satu-satunya belian paling lumayan yang dibuatnya melalui kad kredit, tetapi bukan selalu kita naik pelamin, kan?

Adam sedar akan tanggungjawab yang dipikulnya dengan memiliki kad kredit dan amat berdisiplin dalam menjelaskan bil kad kreditnya dengan sepenuhnya setiap bulan. Mengikut kebiasaan, kita tidak seharusnya menggunakan kad kredit sekiranya kita tidak mampu membayar bilnya dengan wang tunai.

Kad kredit cuma berfungsi sebagai instrumen bayaran yang biasanya diiringi dengan mata ganjaran dan insentif lain - yang diguna pakai sebagai gantian sementara untuk tunai tetapi bukannya berfungsi sebagai wang tunai!

Disiplin diri

Anda sentiasa perlu mendisiplinkan diri supaya menjelaskan bayaran kad kredit sepenuhnya pada tarikh bayaran, jika tidak anda boleh dikenakan denda serta caj-caj kewangan yang menjangkau 18 peratus setahun.

Sekiranya kita selalu tidak membuat bayaran penuh tetapi masih mahu kemudahan belian tanpa tunai, bertukarlah kepada kad debit yang merupakan alterna-

tiif terbaik.



Tindakan berhemat

Daripada belanjawan di atas, mereka sekarang mempunyai gambaran lebih baik mengenai jumlah wang yang diperlukan untuk melangsungkan majlis perkahwinan.

Mereka percaya bahawa hadiah daripada tetamu mereka (biasanya dalam bentuk wang tunai) boleh membayar sebahagian besar daripada kos majlis makan malam. Adam juga menyetepikan 10 peratus di bawah item 'Kejutan lain,' untuk meliputi apa-apa belanja sampingan atau yang tak diduga seperti barang kemas kostum, rawatan muka, dandan rambut, dan belanja lain yang biasa dalam mana-mana perkahwinan. Mengetepikan sejumlah wang untuk keadaan di luar jangkaan adalah suatu tindakan berhemat.

Pepatah Perancis menyebut "Cinta mencetuskan kemesraan, tetapi wang yang menjayakan sesuatu perkahwinan". Walaupun kita tidak suka mengakuinya, wang menjejaskan hubungan kita antara satu sama lain.

Bagi pasangan yang bercadang mendirikan rumah tangga, ada baiknya untuk kita sedar apa yang kita mahu daripada perkahwinan itu. Jika tidak, kita mungkin terjebak dalam masalah kewangan yang akhirnya mampu memamatkan perasaan cinta antara anda berdua.



tif terbaik.

Kad debit ialah kad yang seakan-akan serupa dengan kad ATM dan jumlah yang dibelanjakan akan ditolak secara langsung dalam talian daripada akaun bank anda. Dalam kata lain, anda cuma berbelanja setakat jumlah tabungannya.

Kejutan makan malam

Dengan cincin berlian dan baucar makan malam di tangannya, kini tinggal hanya sejangkapan bunga ros untuk menyempurnakan suasana agar lebih romantik. Adam bercadang memberi Aida suatu kejutan dengan alasan ingin meraikan kenaikan pangkatnya, Adam mengajak Aida keluar makan malam.

Apabila hampir selesai makan malam, Adam menghulurkan sejangkapan bunga ros kepada Aida yang kagum melihatnya tetapi berpura-pura kelihatan bingung agar memberikan reaksi yang lebih dramatik untuk penyatuan yang sudah lama diidamkan.

Sambil berlutut di hadapan Aida, Adam meluahkan hasratnya untuk mengambil Aida sebagai isterinya lalu menghulurkan cincin berlian sebagai tanda cintanya, Aida menerima lamarannya sambil tersenyum tersipu-sipu...

Dr Joyce Brothers pernah berkata, "Perkahwinan bukan semata-mata penyatuan dua jiwa dan rasa cinta yang membara, malah lebih daripada itu, saling menyokong antara satu sama lain serta berkongsi suka dan duka."

Jika anda rasa memiliki kereta itu suatu komitmen besar, perkahwinan itu adalah komitmen yang jauh lebih besar dan hanya jika anda rasa anda berkemampuan memikul tanggung jawabnya, haruslah anda mendirikan rumah tangga. Alam cinta lazimnya berkait rapat dengan isu hidup sebenar, termasuklah mengurus kewangan bersama-sama secara harmoni.

Anda perlu bersikap realistik apabila merancang perkahwinan berdasarkan belanjawan dan bukan setakat memenuhi impian atau kehendak orang lain termasuk juga bakal pasangan anda. Seperti aspek kehidupan yang lain, anda juga perlu membuat belanjawan untuk perkahwinan.

Diselarasakan mengikut keperluan

luan dan kehendak anda - dan paling penting berbincanglah bersama bakal pasangan anda mengenai jumlah wang yang anda berdua mampu belanja. Walaupun ini peristiwa paling gembira yang berlaku hanya sekali dalam hidup anda, ini mungkin memaksa anda mengambil masa yang panjang untuk menjelaskan segala hutang perkahwinan anda.

Adam dan Aida duduk sambil berbincang mengenai kehendak masing-masing bagi upacara perkahwinan mereka dan membuat belanjawan berikut:

Barangan belanjawan sebenar

- 1 Kenduri perkahwinan (RM500 tetamu @ RM60) RM30,000
- 2 Cincin perkahwinan RM6,000
- 3 Foto perkahwinan RM3,000
- 4 Gaun & Suit perkahwinan RM4,000
- 5 Hadiah RM3,000
- 6 Berbulan madu (di rantau Asia) RM4,000
- 7 'Kejutan' lain RM5,000

JUMLAH RM55,000

